

BAB 5

5.1 : KONSEP NASIONALISME : PERBANDINGAN BARAT, ISLAM DAN MELAYU.

Sekiranya kita meninjau kembali pendefinisian terhadap perkataan nasionalisme, maka kita akan melihat kepelbagaiannya mengikut suasana atau situasi dan keserasian penggunaannya dalam beberapa perkara.

Nasionalisme menurut konsep Barat, berdasarkan kepada pandangan beberapa tokoh ilmuwan mereka, bermaksud satu faham yang merangsang kepada ketiaatan kepada entiti kelompok di atas segala ketiaatan, termasuk ketiaatan kepada agama. Ketiaatan dan simpati pada kesatuan nasional khususnya dalam integriti bangsa lebih kuat dari segala-galanya. Nasionalisme sangat menjunjung tinggi bangsa, sehingga menyebutnya sebagai ‘tanah tumpah darah’. Maka ianya melahirkan satu perasaan menjunjung tinggi bangsanya sama ada dalam perkara yang baik mahupun buruk, benar mahupun salah, tetaplah membela nama dan harga diri bangsa itu diutamakan.¹ Menurut fahaman nasionalisme Barat lagi, yang membezakan antara manusia bukanlah keimanan ataupun agamanya tetapi adalah tanah air, bahasa dan bangsanya.

Merujuk kepada prinsip nasionalisme Barat juga, manusia hidup demi negaranya dan mengorbankan jiwa raganya untuk kepentingan bangsa. Ikatan yang kuat kepada bangsa telah menjadikan ikatan persaudaraan sesama mereka kuat dan kukuh, bukannya ikatan yang berlandaskan akidah atau ikatan keagamaan. Seorang nasionalis yang sangat mencintai

bangsanya merasa bahawa bangsa dan negara merupakan tempatnya mengabdikan diri. Menurut Barat, agama boleh hidup di bawah naungan fahaman nasionalisme, selama mana ianya mendukung atau sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan semangat nasionalisme yang mereka pegang.

Dalam pentakrifan yang lain, perkataan nasionalisme juga bermakna satu perasaan, bahasa, bangsa, kebudayaan dan konsep negara atau “*nation state*” yang membawa makna kewarganegaraan atau “*nationality*”. Pengertian ini timbul di Eropah pada abad ke 19, yang mana negara-negara di Eropah baru muncul sebagai peninggalan kerajaan Empayar Napoleon. Mereka wujud berdasarkan bangsa, bahasa dan juga hak-hak keazaman negeri untuk menentukan acuan diri mereka sendiri.

Jika kita ingin membuat perbandingan konsep nasionalisme Barat dengan nasionalisme Melayu, di mana konsep nasionalisme Melayu bermaksud ‘perasaan cintakan bangsa sendiri yang mendalam dan perasaan mencintai negara yang diduduki’. Manakala Melayu pula ditakrifkan sebagai nama satu bangsa dan bahasa terutama di Semenanjung Malaysia, mengikut cara hidup Melayu dan beragama Islam. Konsep ini secara langsungnya membezakannya dengan konsep nasionalisme Barat yang menekankan ketaatan kepada entiti kelompok semata-mata sehingga melahirkan satu perasaan menyantung tinggi dan membela bangsa, sama ada dalam perkara yang baik mahupun buruk, benar mahupun salah. Fahaman

ini dengan sendirinya mengetepikan prinsip asas yang menyuruh manusia memberikan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada pengajaran dan pendidikan agama.

Konsep nasionalisme dalam pandangan Barat juga menyatakan bahawa yang membezakan antara manusia bukanlah keimanan atau agamanya, tetapi tanah air dan bangsanya. Sehubungan dengan itu, politik diskriminasi bangsa telah menjadi amalan hampir di seluruh dunia yang terbabit dengan fahaman nasionalisme. Menurut fahaman Barat lagi, manusia hidup demi negaranya dan mengorbankan jiwa raganya untuk kepentingan bangsanya. Ikatan yang kuat kepada bangsa, telah menjadikan ikatan persaudaraan sesama mereka kuat dan kukuh, bukannya ikatan yang berlandaskan agama atau akidah yang satu.

Semua pentakrifan di atas menerangkan bahawa nasionalisme Barat adalah fenomena yang meletakkan kesetiaan dan ketaatan manusia kepada negara, meletakkan kepentingan negaranya di atas segala kepentingan yang lain, sama ada ianya merupakan kepentingan peribadi atau kepentingan negara-negara lain. Secara ringkas boleh dibuat rumusan bahawa fahaman nasionalisme Barat adalah merupakan ikatan yang berbentuk sekular yang menggantikan semua bentuk ikatan yang lain khususnya ikatan keagamaan di kalangan manusia, terutamanya di Barat yang berasaskan ajaran gereja Kristian.

Kita rujuk kembali kepada realiti fahaman nasionalisme Melayu, ianya lebih merupakan suatu gerakan yang bersifat tempatan menuju kepada pembentukan sebuah negara bangsa dengan mengambil kira terhadap segala bentuk, corak, rupa, unsur-unsur dan isu-isu tempatan yang bergerak kepada satu kesatuan. Secara umumnya fahaman nasionalisme Melayu boleh dibahagikan kepada dua. Pertama, wujudnya kesedaran sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi ras, agama, bahasa dan kebudayaan dan yang keduanya ialah kesedaran yang membawa kepada penyatuan di kalangan sekumpulan manusia yang tinggal dalam satu batasan politik yang sama, tetapi tidak semestinya mempunyai persamaan dari segi ras, agama, bahasa dan kebudayaan. Apa yang penting ialah rasa cinta dan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa dalam mempertahankan negara.

Namun begitu, sekiranya kita melihat definisi yang diberikan oleh Islam terhadap konsep nasionalisme, yang mana sejak dari awal lagi, Islam telah menyatakan asas kefahamannya bahawa ia merupakan satu agama yang bersifat universal. Agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia, tanpa mengira bangsa, keturunan, warna kulit dan sebagainya. Ini terbukti dengan kewujudan umat Islam di seluruh dunia, yang mana mereka terdiri dari pelbagai bangsa, bahasa, warna kulit, budaya dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, umat Islam akan merasakan bahawa mereka adalah sama di sisi Allah SWT sebagai makhluk dan

hambaNya. Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW untuk seluruh manusia dan bukannya untuk bangsa Arab semata-mata. Firman Allah,² Maksudnya;

“Dan tidak Aku (Allah) utuskan kamu (Muhammad) kecuali sebagai rahmat kepada seluruh alam.”

FirmanNya lagi :³

Maksudnya;

Dan tidak Aku (Allah) utuskan kamu (Muhammad) melainkan untuk seluruh manusia dan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan akan ancaman Allah.

Jika ditinjau persaudaraan dalam Islam, ianya menjangkau batas sempadan geografi, tanpa membezakan antara keturunan, kaum, bangsa, warna kulit, bahasa, kebudayaan dan sebaginya. Islam menekankan persaudaraan sejagat atas dasar keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam al-Quran bagi menggambarkan persaudaraan di dalam Islam:

Maksudnya;⁴

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara.

Pada dasarnya Islam ditegakkan di atas dasar dan konsep agama, tanpa di campur adukkan dengan konsep kebangsaan atau apa juga perasaan yang mengehadkan dan membatasi keuniversalannya. Namun begitu, Islam tidak menolak akan hakikat wujudnya pelbagai bangsa dan kaum di kalangan umat manusia, yang mengakibatkan wujudnya perasaan taat setia seseorang itu kepada bangsanya, kerana ia merupakan fitrah manusia dan

Islam tidak menolak atau cuba menghapuskannya. Namun demikian, Islam tidak membenarkan perasaan taat setia seorang Islam terhadap bangsanya atau kaumnya itu melebihi taat setia dan kecintaannya kepada Islam itu sendiri sebagai agama dan pegangan hidupnya. Konsep ini dijelaskan di dalam al-Quran;

Maksudnya;⁵

Wahai manusia, sesungguhnya Kami (Allah) telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal (antara satu sama lain). Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti.

Sewaktu berada di Madinah, Rasulullah SAW sendiri merasa amat rindu untuk kembali ke Mekah sebagai bumi tempat tumpah darahnya dan baginda menunjukkan kasih sayangnya yang amat ketara terhadap bangsa Arab, bahasa dan kebudayaannya. Realiti ini jelas melalui satu hadith Rasulullah SAW;

Maksudnya;

Kasihilah orang-orang Arab kerana tiga perkara, kerana aku adalah seorang Arab, al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan penghuni syurga adalah berbahasa Arab.

Namun apa yang jelas di dalam hadith di atas, baginda tidak pernah memisahkan kecintaan kepada perkara di atas dengan Islam, di mana kemuliaan dan ketinggian bangsa Arab, hanya akan dapat dicapai apabila mereka menjadikan Islam sebagai panduan dan cara hidup mereka, sehingga akhirnya bahasa Arab diberikan kemuliaan, apabila al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut dan ianya juga adalah bahasa ahli syurga yang akan

menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa perantaraan sesama mereka nanti.

Jelaslah daripada pembentangan di atas, betapa baginda tidak pernah menunjukkan reaksi penentangan dalam seruan dakwah baginda, apatah lagi menghalang dan menghapuskan terhadap perasaan kesukuan atau kebangsaan orang-orang Arab, selagi mana ianya tidak terkeluar dari batasan-batasan atau had-had yang telah ditentu dan digariskan oleh Islam.

Hakikatnya Rasulullah SAW sebagai pimpinan ummah telah berjaya menyatukan umat Islam di bawah kepimpinannya. Asas kesatuan dan perpaduan mereka adalah akidah tauhid kepada Allah SWT, kesatuan matlamat untuk mendaulatkan Islam, kesatuan dari segi pandangan terhadap perjuangan, kesatuan tarbiyah, amal dan tindakan untuk mencapai hakikat kehidupan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Hakikat kesatuan dan kesepaduan inilah yang telah menjadikan generasi Islam yang pertama sebagai ummah yang digeruni oleh masyarakat musyrikin Mekah, walaupun kewujudan mereka hanyalah merupakan golongan minoriti dari seluruh penduduk Mekah. Kejayaan yang berasaskan kesatuan dan kesepaduan tersebut semakin menyerlah setelah berlakunya penghijrahan baginda dan umat Islam di Madinah al-Munawwarah. Kita melihat bagaimana golongan Ansar telah sama-sama mendukung perjuangan Rasulullah SAW. Mereka berganding bahu dan bersama-sama golongan

Muhajirin mendukung perjuangan baginda dan memenuhi tuntutan ukhuwah Islamiah yang belum pernah disaksikan oleh sejarah umat sebelumnya dan selepasnya. Allah SWT telah memuji sikap dan tindakan mereka dengan firmanNya;⁶

Maksudnya;

Dan orang-orang yang telah menempati Kota (Madinah) dan telah beriman (Ansar) sebelum kedatangan mereka (muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (muhajirin) atas diri mereka sendiri dan mereka mengutamakan (muhajirin) atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka amat memerlukannya (dalam kesusahan) dan barang siapa yang dipelihara daripada sifat kikir (kedekut) dari dirinya, mereka itulah orang-orang yang beroleh keuntungan.

Ikatan persaudaraan Islam dan perasaan kasih sayang yang teguh yang dibina dalam hati-hati umat Islam, menjadikan mereka yang dipimpin oleh Rasulullah SAW menjadi umat yang ampuh dan padu, kuat serta digeruni oleh musuh-musuhnya. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini juga, kita mendapati betapa tokoh-tokoh ilmuwan Islam seperti Syeikh Muhammad Abduh yang menganggap bahawa kecintaan kepada bangsa itu sebagai tanggungjawab agama. Begitu juga dengan Al-Kawakibi yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara Arab dan bukan Arab dalam komuniti Islam. Perbezaan yang jelas antara reformis Islam dan sekular-nasionalis dan sebagainya.

5.2 : CIRI-CIRI NASIONALISME : PERBANDINGAN ANTARA PANDANGAN BARAT, ISLAM DAN MELAYU.

Dalam membincarakan berkenaan dengan ciri-ciri nasionalisme Barat, sebagaimana yang diutarakan oleh Hans Kohn, bahawa setiap pergerakan nasionalisme itu mestilah mempamerkan tiga ciri-ciri utama, iaitu;

- i) Mewakili satu bangsa dan menghormati prinsip nasib sendiri (*self determination*) untuk setiap bangsa.
- ii) Menegakkan prinsip kedaulatan rakyat dan demokrasi.
- iii) Memperjuangkan kesetiaan kepada negara bangsa.

Terdapat beberapa ciri dan sifat nasionalisme Melayu, antaranya seperti yang dinyatakan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy adalah seperti berikut:⁷

Ciri pertama ialah akhlak yang baik seperti sifat lemah lembut, sopan santun dan sentiasa mengalah atau lebih mengutamakan orang lain sebagai tanda penghormatan tetapi bukanlah bermakna takut atau pengecut kerana orang Melayu juga mempunyai sifat keberaniannya yang tersendiri sehingga kadangkalanya melampaui batas sehingga menyebabkan kejadian mengamuk atau hilang sabar.

Ciri kedua ialah sikap toleransi atau bertolak ansur terhadap sesiapa juga dengan syarat ianya tidak memeras dan menindas masyarakat di negaranya.

Ciri ketiga ialah penyesuaian nasionalisme Melayu dengan Islam, di mana Islam dijadikan sebagai asas kepada nasionalisme Melayu yang telah membatasi segala yang bertentangan dengan Islam mesti dihindarkan. Begitu juga dalam soal perpaduan bangsa atau kaum, Islam tidak membeza-bezakan antara kaum kerana setiap manusia mempunyai hak-haknya yang tersendiri.⁸

Untuk membicarakan sifat nasionalisme dan kesan nasionalisme moden ini, kita akan melihat dari perspektif Asia Tenggara sebagai rujukan utama kebangkitan nasionalisme yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar. Terdapat beberapa sifat dan ciri-ciri nasionalisme yang berlaku di Asia Tenggara, antaranya ialah :

- i) Pada peringkat awal nasionalisme adalah bersifat penentangan terhadap penjajah yang datang sama ada oleh sami Buddha di Burma, Pembesar di Tanah Melayu, Vietnam, Jawa dan Sumatera dan ketua Daerah di Filipina. Penjajahan ini adalah berpunca dari keadaan politik yang kurang stabil di Asia Tenggara .
- ii) Gerakan nasionalisme di Asia Tenggara lebih teratur kerana golongan yang berpendidikan tinggi telah menggunakan saluran yang lebih baik dengan menyebarkan pemikiran mereka melalui akhbar ataupun dengan menggunakan majalah-majalah seperti Majalah al-Imam, Utusan Melayu, La Solidaridad dan sebagainya. Golongan ini adalah mereka yang mendapat

pendidikan Barat dan juga pendidikan agama. Mereka telah memahami budaya, ilmu pengetahuan dan nilai hidup Barat dan telah melihat perkembangan dunia luar. Mereka telah menghayati idea serta fahaman baru seperti Liberalisme, Sosialisme, Komunisme dan Demokrasi.

- iii) Semangat meningkatkan kehidupan sama ada sosial mahupun ekonomi menjadi agenda utama pada dua dekad di awal abad ke 20. Politik juga telah diberi perhatian yang lebih apabila adanya tuntutan politik dengan menerangkan persamaan hak untuk mendapatkan pendidikan. Ia bukan sahaja melibatkan kaum lelaki tetapi juga kaum wanita seperti mana halnya di Indonesia yang diperjuangkan oleh Raden Adjeng Kartini .
- iv) Penentangan adalah dinamik, keras dan berani menentang penjajah. Kebanyakan golongan ini terdiri daripada golongan guru, wartawan, penulis atau pegawai kerajaan yang kurang mendapat perhatian kerajaan, tetapi telah mendapat pendedahan daripada Jepun yang pernah menakluki Asia Tenggara.
- v) Kegiatan nasionalisme juga wujud dari golongan pendatang seperti China dan India yang memperjuangkan hak masyarakat mereka. Kegiatan mereka adalah amat berbeza daripada kegiatan nasionalisme tempatan. Kedatangan mereka adalah untuk

berniaga dan bukanlah untuk terus menetap di Asia Tenggara. Kelahiran warga tempatan daripada masyarakat China ini mengubah pendirian ini menjadikan kegiatan mereka tertumpu pada kemahuan mendapatkan kewarganegaraan di negara-negara Asia Tenggara.

- vi) Ada juga nasionalisme yang bersifat mementingkan agama seperti di Burma yang diperjuangkan oleh golongan Sami Buddha. Jika dibuat perbandingan dengan pandangan nasionalisme Melayu, secara umumnya memang terdapat sedikit persamaan di sudut perlaksanaannya, di mana perjuangan pergerakan nasionalisme pada peringkat awal sememangnya mewakili satu bangsa iaitu bangsa Melayu dengan menghormati nasib sendiri, begitu juga dengan bangsa-bangsa yang lain seperti Cina dan India. Namun begitu perjuangan pergerakan nasionalisme Melayu pada peringkat awalnya adalah untuk menjaga kepentingan raja-raja Melayu dan hak-hak keistimewaan Melayu, di samping memperjuangkan kesucian agama Islam dari terus dianaktirikan, dikesampingkan atau tidak diberi kuasa yang sewajarnya dalam pentadbiran British ketika itu. Oleh yang demikian, bangkitlah pejuang-pejuang kemerdekaan yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama, terutama yang pulang dari Timur Tengah. Mereka telah mempelopori

perjuangan untuk memerdekakan Tanah Melayu dari cengkaman dan kekuasaan British.

Seterusnya penentangan demi penentangan terhadap sikap dan polisi kerajaan British dalam bidang pentadbiran negara, bertambah kuat, sehinggalah terbentuk penyatuan antara tiga bangsa utama ketika itu, iaitu Melayu, Cina dan India, bersama-sama dan bersatu-padu dalam perjuangan untuk membebaskan Tanah Melayu dari penjajahan British.

Begitu juga dengan prinsip yang kedua iaitu untuk menegakkan kedaulatan rakyat atau menegakkan prinsip demokrasi, sememangnya jelas dari perjuangan pergerakan nasionalisme tersebut untuk memberikan kuasa kepada rakyat bagi menentukan kepimpinan negara pada masa itu, yang terdiri daripada penduduk tempatan dan bukan lagi pihak penjajah yang telah sekian lama menzalimi, mengaut keuntungan dan mencuri segala khazanah dankekayaan negara. Hanya selepas negara mencapai kemerdekaan, rang undang-undang telah diwartakan dan dilaksanakan. Namun begitu, pengaruh perundangan Barat, masih jelas dalam teori dan perlaksanaannya.

Di akhir perjuangan mereka, ciri kesetiaan kepada negara yang merdeka sememangnya menjadi agenda penting dalam perjuangan mereka. Rakyat mestilah memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara, demi menzahirkan ketaatan dan kecintaan mereka terhadapnya.

Mengenai pandangan Islam pula, secara jelas Islam tidak mengiktiraf ciri-ciri di atas, kerana Islam adalah agama Allah SWT, agama yang diturunkan kepada umat manusia untuk menjadi panduan dan amalan dalam kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, Islam telah menentukan garis panduan dan peraturan yang semestinya dilaksanakan oleh manusia dalam kehidupan mereka. Manusia tidak dibenarkan sama sekali, menentukan nasib mereka sendiri melalui peraturan-peraturan, undang-undang, sistem-sistem dan apa juga yang bertentangan dengan dasar, prinsip dan ajaran Islam. Firman Allah SWT ;⁹

Maksudnya ;

Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) akan memutuskan di antara mereka dengan hukumNya. Dan Dialah sahaja yang Maha Kuasa lagi Maha Mengetahui.

Tidak ada istilah kedaulatan rakyat di dalam Islam, kerana manusia tidak diberikan hak oleh Allah SWT, untuk menggaris serta menentukan perundangan mereka sendiri, kecuali yang tidak dinyatakan serta digariskan oleh Allah SWT untuk maslahat dalam kehidupan mereka. Kuasa untuk menentukan kedaulatan negara adalah milik Allah SWT. Manusia seluruhnya mestilah taat menjunjung dan mentaati segala titah perintah Allah SWT yang terkandung di dalam al-Quran dan keterangan mengenainya seperti yang terdapat di dalam hadith-hadith Rasulullah SAW.

Mengenai kesetiaan kepada negara pula, Islam tidak mengizinkan tindakan manusia dalam memberikan kesetiaan kepada negara, sekiranya negara tersebut tidak melaksanakan syariat Allah SWT dan menjadikan undang-undang

serta peraturan kafir sebagai panduan dan cara hidup mereka. Tugas mereka ialah meneruskan usaha dakwah dan jihad, dengan mempertingkatkan usaha-usaha untuk memberikan kefahaman kepada umat mengenai hakikat Islam yang sebenarnya dan perjuangan bagi mendaulatkan syariat Allah SWT dengan cara yang paling berhikmat dan bijaksana.

Secara jelasnya Islam tidak menerima fahaman nasionalisme Barat, yang tidak mengambil kepercayaan agama sebagai asas untuk penyatuan, sebaliknya hanya menitikberatkan bahasa, kawasan dan bangsa. Islam tidak boleh menerima fahaman yang menganggap bangsa dan tanah air adalah paksi kepada perjuangan dan mengetepikan kepentingan agama.

Islam juga tidak dapat menerima fahaman nasionalisme yang menyatakan bahawa perbezaan antara seseorang manusia dari yang lainnya bukanlah kerana agamanya, tetapi tempat lahir, tanah air, bahasa dan bangsanya, kerana Allah SWT hanya mengiktiraf Islam sebagai agama yang diterima dan diredayai di sisiNya. Firman Allah SWT;¹⁰

Maksudnya;

Sesungguhnya agama yang diterima di sisi Allah hanyalah Islam.

Walaupun begitu, Islam tidak pernah memaksa manusia yang belum beriman untuk memeluk Islam, bahkan Islam memberikan kebebasan kepada mereka untuk menganuti ajaran agama mereka. Firman Allah SWT;¹¹

Maksudnya;

Tidak ada paksaan dalam agama.

Islam juga amat menentang keras fahaman nasionalisme yang meletakkan kesetiaan itu berpusat kepada tanah air. Ini bermakna kesetiaan kepada Tuhan, agama, kepercayaan, ideologi dan sebagainya adalah tertakluk di bawah kesetiaan kepada negara dan bangsa. Tidak ada kesetiaan yang dapat melebihi kesetiaan nasionalisme ini dan sekiranya sentimen agama bertentangan dengan sentimen nasionalisme, sentimen agama tidak boleh diikuti dan perlu diketepikan sama sekali. Perlu ditegaskan di sini bahawa tujuan utama Allah SWT mengutuskan para rasulNya adalah untuk menyeru dan membimbing manusia supaya mereka menyembah Allah Yang Esa dan menjauhkan diri daripada musuh-musuh Allah SWT yang disebut sebagai ‘Taghut’ iaitu ‘apa sahaja yang berlawanan dan bertentangan dengan ketentuan Allah SWT, sama ada makhluk yang digelar iblis dan syaitan mahupun di kalangan manusia yang berperanan menyesatkan manusia dari jalan Allah SWT.

5.3 PENERIMAAN DAN PENGAMALAN NASIONALISME : PERBANDINGAN ANTARA MASYARAKAT MELAYU DAN BARAT.

Telah dibincangkan sebelum ini bahawa penerimaan dan pengamalan nasionalisme Barat boleh dilihat dari dua sudut;

- i) Nasionalisme sebagai ideologi
- ii) Nasionalisme dari sudut sosiologinya

Dari sudut ideologi, nasionalisme lebih menekankan soal bangsa atau bangsa yang mempunyai hak untuk kebebasan dan memerintah sendiri. Falsafah menentukan pemerintahan sendiri ini telah dianjurkan oleh Immanuel Kant (1724-1804) yang telah menjadikan nasionalisme sebagai alat politik untuk membentuk negara bangsa.

Di antara pengikut Kant ialah Fichte, yang mana beliau telah berpendapat bahawa pengetahuan mengenai dunia luar telah dibatasi dengan kemampuan pancaindera. Maka adalah mustahil sekiranya kita cuba mengatasi kemampuan pancaindera untuk mengetahui dunia luar. Oleh itu, beliau telah mengemukakan suatu kajian yang mengatakan bahawa bentuk kerajaan yang akan menjamin dan mempertahankan kebebasan manusia adalah sebuah kerajaan yang berasaskan kepada negara bangsa.¹²

Dari sudut sosiologi pula, Emerson berpendapat bahawa nasionalisme adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sosioekonomi. Beliau mengatakan :

*"Nationalism.....has a chronology of its own derived not from the calendar but from the stages of the gradually spreading impact of the revolution which originated in western Europe. It appears to have an essential role to play for peoples undergoing the kind of social and psychological transformation which what that revolution imposes on them."*¹³

Ini bermakna, nasionalisme adalah hasil dari satu proses yang dikaitkan dengan perkembangan kapitalisme yang kuat di England dan Perancis yang telah meningkatkan bilangan kelas borjuis serta perubahan sosial, ekonomi dan politik. Menurut Emerson lagi, revolusi ini bertujuan untuk menghapuskan peraturan lama atau tradisional terhadap pemerintahan, hak milik persendirian yang menjadikan golongan pertengahan boleh mengkritik dan menilai kerajaan. Kesannya adalah kewujudan pemikiran dan falsafah politik pada abad ke 17 di England untuk menuntut pembentukan sebuah kerajaan yang berpegang dan berteraskan kepada undang-undang. Nasionalisme bentuk ini adalah merupakan satu cara untuk merapatkan jurang yang wujud antara golongan oder baru dan golongan tradisional.¹⁴

Di Jerman, para nasionalis telah menghadapi isu penyatuan Jerman khususnya semasa berlaku revolusi sekitar tahun 1848. Sejak ratusan tahun, negara Jerman adalah merupakan kumpulan negeri-negeri kecil yang diperintah oleh pemerintahan Holy Roman yang kemudiannya pemerintahan Jerman telah beralih kepada Maharaja Austria yang juga merupakan salah satu negeri di

Jerman. Ini menjadikan negeri-negeri Jerman berada di bawah naungan Austria. Sehingga apabila Napoleon Bonaparte I berkuasa, negeri-negeri Jerman ini telah memisahkan diri dari naungan Austria. Perkembangan liberalisme dan nasionalisme telah menggugat empayar Austria. Pada tahun 1848, nasionalisme Jerman telah diperjuangkan dengan bersungguh-sungguh oleh Parlimen Jerman.¹⁵

Dalam proses kebangkitan nasionalisme di Jerman ini, empayar Austria yang mempunyai berbagai bangsa itu telah dibahagikan kepada tiga daerah utama iaitu Austria, Bohemia dan Hungary. Bangsa Jerman sendiri telah menduduki daerah Austria serta beberapa bahagian di daerah Bohemia. Pergerakan nasionalis di beberapa daerah di Jerman mencapai kegagalan dalam mereka memperjuangkan hak kebebasan bangsa serta autonomi pemerintahan. Golongan nasionalis di daerah Hungary dan Bohemia telah gagal untuk mendapatkan sokongan para nasionalis di Jerman dan mereka juga telah menghadapi masalah dalaman.¹⁶

Di Itali, pergerakan dan pengamalan nasionalisme adalah disebabkan wujudnya kuasa asing sehingga lahirnya golongan nasionalis yang anti kepada kuasa asing. Para reformis dan pakatan liberalisme juga turut membantu pergerakan nasionalis di Itali ini.¹⁷

Faktor yang meletakkan tiada perbezaan bangsa, agama dan bahasa bagi rakyat Itali itu sepatutnya memudahkan bagi mereka untuk menggerakkan

semangat nasionalisme. Namun ianya berlaku sebaliknya. Ia disebabkan wujudnya perbezaan ideologi di antara mereka. Terdapat dua kumpulan ideologi di Itali, di mana satu kumpulan berfikiran sederhana, tidak antimonarki, tidak anti gereja dan takut kepada sosialisme. Kumpulan ini diwakili oleh golongan atasan dan golongan menengah. Manakala, satu kumpulan lagi adalah golongan radikal seperti Mazzini yang memperjuangkan konsep republik tetapi mereka mengetepikan soal kepentingan sosio ekonomi golongan bawahan. Kumpulan radikal ini lebih memperjuangkan penyingkiran kuasa asing dan pembunuhan sebuah negara republik di Itali.¹⁸

Di Perancis pula, berkembangnya rasa cinta terhadap tanah air atau negara telah diterima baik oleh masyarakat, ianya dibuktikan dengan lahirnya Revolusi Perancis yang dilakukan oleh rakyat Perancis untuk menggulingkan keagungan dan kekejaman Raja Louis dan mereka menginginkan bentuk demokrasi berlaku di Perancis. Seluruh rakyat telah bangkit untuk menegakkan hak asasi manusia. Menurut Emerson,¹⁹ Revolusi Perancis ini bertujuan untuk menghapuskan peraturan lama atau tradisional terhadap pemusatkan kuasa pemerintahan, hak milik persendirian yang mana ianya telah menjadikan golongan pertengahan boleh mengkritik dan menilai pihak kerajaan.²⁰

Sebagai kesimpulan, dapatlah dinyatakan bahawa definisi atau takrif nasionalisme menurut perspektif Barat lebih tertumpu kepada situasi serta keadaan yang berlaku pada ketika itu. Ianya lebih mementingkan tanah air, bangsa dan bahasa bagi membezakan manusia. Ini menjadikan mereka hidup

untuk negara dan bangsanya semata-mata tanpa melihat siapakah yang memperjuangkan kebenaran dan hak sebenar. Nasionalisme juga merupakan satu pergerakan ideologi yang mempertahankan hak peribadi dan hak kekuasaan sesuatu kumpulan atau bangsa sehingga ada yang mengagungkan nasionalisme melebihi anutan agama.

Secara umumnya, penerimaan serta pengamalan nasionalisme Melayu ini telah terbahagi kepada dua iaitu nasionalisme politik dan juga nasionalisme bangsa. Nasionalisme politik ini telah wujud dalam diri orang Melayu akibat dari penjajahan yang dilakukan oleh Portugis, Belanda dan British di Tanah Melayu ini, di mana ketika itu orang Melayu telah ditindas, dizalimi dan dijajah dalam semua aspek kehidupannya yang akhirnya orang Melayu telah sedar dan mereka telah mula berpolitik. Ianya dapat dilihat apabila orang Melayu telah mengkritik dan mengeluarkan pendapat di dalam akhbar dan majalah menentang segala perbuatan penjajah yang menzalimi dan menindas orang Melayu di mana nasib mereka terbiar serta kedudukan raja-raja Melayu diperkecilkan.²¹

Terdapat juga penentangan dan perselisihan faham terhadap nasionalisme Melayu ini antaranya adalah berhubung dengan penentangan dari musuh-musuh Islam yang telah cuba meruntuhkan Islam dan juga penentangan dari kalangan orang Islam sendiri yang masih kabur tentang Islam itu sendiri dengan mengatakan bahawa Islam adalah hanya sebagai ibadah semata-mata dan tiada kaitannya dengan politik.

Selain itu, bagi orang Melayu di negara ini, semangat nasionalisme itu juga berdasarkan kepada faktor lain yang boleh dikatakan saling berkait antara satu sama lain. Kesedaran nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu mempunyai kaitan dan hubungan rapat dengan kepentingan agama Islam itu sendiri. Ini adalah kerana kesedaran atau kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu itu tidak boleh dipisahkan daripada agama Islam yang merupakan sebagai penggerak utama.

Oleh kerana itu, kebangkitan nasionalisme terawal adalah di kalangan golongan agama kerana golongan agama sangat berpengaruh kepada orang ramai, terutama pada peringkat kampung. Ini juga telah menimbulkan persoalan di kalangan mereka yang mendukung Islam secara lebih kuat seperti guru-guru agama yang baru pulang dari Asia Barat dan pemimpin-pemimpin agama tempatan. Atas kepentingan pergerakan Islam itu, maka ia telah dapat melahirkan rasa kekuatan di kalangan umat Islam itu sendiri, khususnya orang-orang Melayu. Namun demikian, kedudukan agama Islam di bandar-bandar besar seperti di Singapura dan Pulau Pinang telah diperkuatkan oleh golongan Arab dan Jawi Peranakan.²²

Perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu pada awal abad ke 20 ini, adalah merupakan contoh nasionalisme Melayu yang berteraskan Islam. Mereka ini telah memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kegiatan yang bercorak keagamaan dengan berbagai cara

seperti mendirikan madrasah dan persatuan-persatuan Islam. Mereka telah digelar Golongan al-Imam yang membawa semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu dirantau ini, khususnya di Tanah Melayu. Ekoran dari kegiatan golongan intelek Melayu berpendidikan agama ini, mereka mempunyai matlamat seperti berikut :

"mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan".²³

Untuk membincangkan tentang Golongan al-Imam, perlu diingatkan bahawa golongan al-Imam juga mempunyai beberapa gelaran lain dan gelaran yang paling dikenali ialah "Kaum Muda". Golongan al-Imam adalah terdiri daripada beberapa orang yang mempunyai pendidikan sama ada pendidikan Timur Tengah mahupun berpendidikan Melayu antaranya Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh Al Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha. Golongan ini digelar al-Imam atau pemimpin kerana mereka adalah pengasas pertama Majalah *Al-Imam* pada tahun 1906, walaupun majalah tersebut hanya mampu bertahan selama dua tahun sahaja iaitu dari 1906 sehingga 1908. Sebahagian besar dari golongan al-Imam bukan berdarah Melayu tempatan, kecuali Haji Abbas. Mereka adalah berketurunan Arab ataupun dipanggil Jawi Peranakan. Namun begitu, mereka telah menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu sehingga telah sebatи dengan keadaan dan cara hidup orang Melayu seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Mohd Salim al-Kalali:²⁴

"Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh darinya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhatian kesenangan

kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya"

Oleh kerana itu, golongan al-Imam berasa satu kewajipan dalam menyedarkan orang Melayu dan memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada mereka. Ia berasa bertanggungjawab untuk mencegah orang Melayu terutamanya golongan pembesar daripada khayalan dan kelalaian yang telah menyebabkan kemunduran dan kehinaan bangsanya serta tanah airnya. Justeru itu, akhbar yang diterbitkan oleh mereka dinamakan *Al-Imam* yang bermakna "Pemimpin". Penerbitan majalah *Al-Imam* adalah merupakan strategi dan penentangan golongan al-Imam atau golongan ulamak dalam bentuk perang saraf dan gerakan revolusi mental.

Untuk memahami tentang pandangan dan pemikiran golongan al-Imam, kita cuba melihat serba sedikit tentang latar belakang kehidupan mereka terutamanya tiga orang pelopor akhbar *Al-Imam* yang membawa konsep Kaum Muda. Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin lahir di Kota Tua, Ampek Angkek, Minangkabau di Sumatera Barat pada tahun 1869. Dia dihantar ke Mekah untuk mempelajari ajaran agama Islam secara lebih mendalam selama 20 tahun dalam bidang ilmu Falak. Oleh kerana itu, beliau juga di gelar Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki kerana kemahirannya dalam ilmu Falak. Selama empat tahun di Mesir, fikirannya mula terbuka untuk memahami konsep Syeikh Muhammad Abduh dan Syed Jamaluddin al-Afghani. Pada tahun 1898, beliau turut serta menulis rencana dalam majalah *Al-Manar* yang diterbitkan oleh Rasyid Ridha yang

merupakan salah seorang pengikut Syeikh Muhammad Abduh yang paling cergas. Oleh kerana penulisan ini jugalah, Syeikh Tahir digelar oleh Kaum Tua sebagai *Al-Manar*. Ia kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1899. Oleh kerana ilmu yang ada pada dirinya, beliau telah dilantik oleh Sultan Perak menjadi pemeriksa kiblat masjid dan berkuasa dalam hal yang berkaitan dengan ilmu Falak. Beliau juga pernah dilantik sebagai ahli mesyuarat orang besar-besar dan ulamak Perak.²⁵

Kemunduran masyarakat Islam di Nusantara meyakinkan beliau bahawa jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah itu ialah dengan cara mengemukakan pandangan Islah atau pemberikan terhadap agama Islam yang dirasakan menjadi punca segala kekeliruan dan kelemahan. Selain *Al-Imam*, beliau juga terlibat secara langsung dalam penerbitan *Al-Ikhwan*, *Semangat Islam*, *Saudara* dan sedikit dalam *Bumiputera* dan *Pengasuh* yang telah diterbitkan di Kelantan.

Haji Abbas Mohd Taha pula lahir pada tahun 1885 di Tanjung Pagar, Singapura. Beliau berketurunan Minangkabau dan banyak menghabiskan masa mudanya belajar di Mekah. Beliau telah kembali ke Singapura pada 1905. Sebelum bertugas sebagai pengarang majalah *Al-Imam*, beliau pernah bekerja sebagai guru agama, Imam masjid Tanjung Pagar, Singapura. Pernah juga menjadi Kadi besar di Singapura. Beliau menerbitkan akhbar *Neracha* pada tahun 1910 dan diikuti pula majalah *Tunas Melayu* pada tahun 1913. Kedua-dua akhbar ini meneruskan cita-cita yang diperkenalkan oleh golongan al-Imam. Ini

meletakkan Haji Abbas Mohd Tahir sebagai seorang ulamak dan tokoh Islam yang berjaya meneruskan Islah atau pembaikan Islam yang diasaskan oleh golongan al-Imam. Bermula dari tahun 1940, beliau telah menjadi guru agama di Selangor dan memegang jawatan Mufti di Pahang.²⁶

Sayyid Syeikh Al-Hadi, adalah merupakan seorang tokoh terpenting selepas Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Beliau adalah tokoh Islah yang paling vokal menyuarakan kritikan kepada pemimpin agama dan pemimpin masyarakat yang lalai dalam menyempurnakan tugas mereka kepada masyarakat. Lahir di Kampung Hulu, Melaka pada tahun 1862, dari keturunan Arab-Melayu. Mendapat pendidikan di sekolah Melayu negeri-negeri Selat dan belajar agama di Kuala Terengganu dan mendalami ilmunya di Riau semasa menjadi anak angkat kepada Raja Ali Kelana. Hubungan rapat dengan keluarga diraja ini, telah membolehkan beliau melawat Mesir dan Mekah. Melalui Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, beliau memperolehi idea Islah Syeikh Muhammad Abduh. Beliau pernah menjadi peguam syariah, pendidik, saudagar dan penulis rencana-rencana yang bersemangat dan berterus-terang. Perjuangannya dilakukan di dalam majalah *Al-Imam* dan diteruskan dalam majalah *Al-Ikhwan* di Pulau Pinang. Di antara tahun 1925-1926 beliau telah menerbitkan sebuah novel bertajuk *Hikayat Faridah Hanum* bertujuan menyedarkan golongan Wanita ketika itu. Manakala dalam akhbar *Saudara*, beliau telah memberi kesempatan kepada umat Islam mengemukakan pendapat mereka di dalam ruangan akhbar. Pembaharuan ini telah menyebabkan

berlakunya perselisihan faham dengan golongan Kaum Tua. Beliau telah meninggal dunia di Pulau Pinang pada 20 Februari 1934.²⁷

Golongan al-Imam telah melaksanakan dan mengamalkan semangat nasionalisme Melayu di Tanah Melayu ini dengan mengambil pendekatan dalam berbagai aspek kehidupan masyarakat. Di antara aspek-aspek yang ditekankan oleh golongan al-Imam ialah i) Aspek keagamaan, ii) Aspek sosial, iii) Aspek pendidikan, iv) Aspek ekonomi dan v) Aspek penulisan.

i) Aspek Keagamaan:

Golongan al-Imam cuba membawa perubahan terhadap kehidupan manusia dengan mengambil aspek keagamaan sebagai teras perjuangan islahnya. Ini adalah kerana Islam sebagai pegangan agama yang sebatik dalam cara hidup orang-orang Melayu itu, tidak dapat dipisahkan kepada bahagian dan lapangan tertentu. Oleh itu, golongan al-Imam merasakan kelemahan dalam aspek keagamaan itu merupakan penyakit yang menyebabkan terbantutnya perkembangan kemajuan pendidikan, ekonomi, sosial dan politik orang Melayu. Sheikh Mohd Salim Al-Kalali dalam rencana pertamanya menegaskan bahawa tugas pemimpin-pemimpin rakyat ialah menentukan penyakit itu dan menentukan pula ubat baginya. Mereka cuba membawa pembaharuan dengan memberikan tafsiran tentang keagamaan termasuklah berkaitan dengan ibadah. Ini bererti untuk memperolehi kemajuan dari semua bidang tersebut, perlu mengukuhkan keutuhan dalam hal-hal keagamaan dalam masyarakat Melayu itu sendiri.²⁸

ii) Aspek Sosial : Pembelaan Hak Wanita :

Golongan al-Imam juga mengambil berat kedudukan wanita dalam masyarakat. Mereka menganjurkan kebebasan yang lebih luas bagi kaum wanita mendapatkan pelajaran dan mengambil bahagian dalam urusan-urusan masyarakat . Abu Bakar Hamzah menyatakan;

"As for the Muslims in Malaya, they have numerous problems chief among these is regarding woman' status, their rights and legitimate position in society. Women have to be given the necessary education and training because they are the natural partners of men in their struggle for greatness and glory in their life".

Oleh kerana golongan ini memainkan peranan penting bagi mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan kaum lelaki, seharusnya beberapa perubahan perlu dilakukan di antaranya ialah mengadakan kelas perempuan sehingga darjah tiga dengan tujuan memberi pelajaran membaca al-Quran dan pelajaran agama supaya dapat melahirkan ibu-ibu yang berpelajaran.²⁹

Dalam menyedarkan masyarakat Melayu, Sayyid Sheikh Al-Hadi berkesempatan menegaskan pentingnya pelajaran dan kebebasan yang luas bagi kaum Wanita serta tingginya nilai kesucian dan kesetiaan yang dimiliki oleh wanita kepada masyarakat umum melalui novelnya iaitu Hikayat Faridah Hanum yang diterbitkan pada 1925. Novel ini telah menjadi kontroversi apabila iaanya menceritakan tentang kebebasan wanita dalam kehidupan yang sebelum ini wanita Melayu adalah orang yang sangat pemalu. Namun, dengan penulisan

Sayyid Sheikh Al-Hadi ini menyebabkan penentangan Kaum Tua yang telah mengelarnya sebagai "Kaum Sesat". Ini adalah kerana penulisan Sayyid Sheikh Al-Hadi dalam novelnya yang bertajuk *Hikayat Faridah Hanum* itu seperti membenarkan hidup berkasih-kasihan dan berpasangan yang selama ini amat ditentang oleh Kaum Tua. Penjualan buku ini telah menyebabkan keuntungan yang besar kepada Kaum Muda apabila dengan penjualan yang diulang cetak ini menyebabkan tertubuhnya Jelutong Press yang terus memainkan fungsi sebagai syarikat percetakan Kaum Muda.³⁰

Golongan al-Imam juga telah cuba menyedarkan bahawa wanita sebenarnya boleh berdikari dan tidak lagi duduk di ceruk dapur tetapi untuk mencapai kesempurnaan dan kecemerlangan hidup, mereka perlu mendapat pendidikan bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut. Oleh kerana itu, penekanan terhadap pendidikan telah ditanamkan khususnya kepada kaum wanita.

iii) Aspek Pendidikan :

Menurut Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki, satu cara untuk mengatasi kelemahan orang Melayu ialah dengan cara meninggikan lagi ilmu pengetahuan mereka. Oleh itu, pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dalam menjana perubahan dari aspek keagamaan, sosial, politik dan ekonomi orang Melayu. Golongan al-Imam menekankan keutamaan ilmu sejarah yang menurutnya merupakan kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa. Sejarah telah menunjukkan bahawa pelajaran adalah satu-satunya alat yang mustahak bagi bangsa menjana pembangunan dan mencapai kejayaan.

Pembaharuan dan pembangunan yang disediakan oleh British belum mencukupi untuk orang Melayu khususnya dalam pendidikan. Ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Singapura dan Sumatera, tidak ada anak Melayu yang benar-benar pandai dalam pelajaran. Sekiranya mampu bekerja dengan kerajaan, dari segi pendapatan pula, tiada yang setaraf dengan pendapatan anak-anak bangsa Eropah. Golongan al-Imam menyatakan keadaan ini timbul adalah disebabkan kelalaian raja-raja dan orang-orang besar Melayu sengaja tidak mengambil berat dalam bidang pendidikan. Walaupun pada hakikat sebenarnya kebanyakan rakyat berkemampuan untuk menyediakan wang bagi memberikan pelajaran serta pendidikan tinggi kepada anak-anak mereka. Golongan al-Imam melihat keadaan ini disebabkan orang kaya dan bangsawan cetek pengetahuan dan pelajaran kerana mereka lalai dalam kehidupan yang diselubungi kesenangan dan kemewahan. Menurut golongan al-Imam;³²

"...yang boleh memaksa mereka itu tiada lain melainkan raja atau kerajaan atau ketuanya yang ditakutkannya".

Oleh itu, golongan al-Imam merasakan rakyat biasa perlu membuat perubahan. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan sikap dengan mementingkan ilmu pengetahuan. Oleh kerana itu, seorang guru iaitu Haji Mohd Tahir telah memberikan cadangan tentang peringkat persekolahan bagi anak-anak Melayu. Menurut beliau, sepatutnya terdapat empat peringkat persekolahan atau pelajaran yang wajar diberikan kepada orang Melayu. Pendidikan yang dimaksudkan bukan sahaja tertumpu pada hal-hal agama, tetapi juga pendidikan yang diberikan oleh orang-orang Barat. Ini bertujuan untuk menutup pandangan golongan tradisional bahawa selama ini Islam yang

dibawa oleh golongan al-Imam itu dianggap oleh sistem pendidikan tradisional dengan hal-hal sekular seperti pendidikan moden yang dibawa dari Barat. Namun, golongan al-Imam terus menggesa orang Melayu menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Haji Mohd Tahir dan menyeru mereka menyuarakannya kepada pihak Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi British agar mengadakan wang peruntukan khas untuk sekolah-sekolah tersebut.

iv) Aspek Ekonomi :

Apabila penjajah menceroboh Tanah Melayu ini dan melaksanakan dasar perluasan pengaruh dan wilayah secara "pecah dan perintah". Ini secara tidak langsung mewujudkan sistem ekonomi kapitalis yang amat jauh berbeza daripada amalan sistem ekonomi tradisional. Dasar "pecah dan perintah" serta sistem ekonomi kapitalis ini sekali gus bertanggungjawab meningkatkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar. Masalah kemiskinan dapat dikatakan amat ketara di kalangan orang-orang Melayu dan kesedaran tentang ini memang telah dirasai oleh golongan elit Melayu pada zaman kolonial itu. Atas kesedaran bahawa rakyat peribumi telah tertindas di bumi sendiri, maka golongan al-Imam menekankan bahawa rakyat tempatan perlu bersaing hebat dengan etnik lain sekiranya mereka mahu terus hidup di bumi ini dan bukannya menjadi pendatang. Ini dinyatakan dalam petikan;³³

"Walaupun sering dikatakan orang Melayu penduduk peribumi negara ini disebut "bumiputera" serta menguasai sistem politik dan pemerintahan negara ini, tetapi dalam bidang ekonomi atau perjuangan merebut nilai kebendaan, mereka tewas kepada golongan imigran".

Persaingan antara orang Melayu dengan berbagai kumpulan etnik yang datang ke negara ini telah memberi kesan dan kesedaran kepada orang Melayu tentang kedudukan diri mereka dalam berbagai bidang. Golongan al-Imam cuba menerangkan tentang kelemahan dan kemunduran orang Melayu dalam berbagai lapangan apabila bersaing dengan berbagai etnik lain atau dikatakan etnik mendatang yang didapati lebih maju dan lebih berjaya dalam berbagai bidang. Golongan al-Imam juga menerangkan bahawa penjajah akan terus membiarkan orang Melayu terus dalam sektor pertanian yang tidak mempunyai daya pengeluaran dan pulangan yang tidak stabil. Oleh kerana itulah, kehidupan orang Melayu sudah tentu seperti telur di hujung tanduk, melukut di tepi gantang atau seperti hidup di dalam “Neraka Dunia”.³⁴

Golongan al-Imam menyelar golongan tradisional atau Kaum Tua tentang ekonomi rakyat tempatan. Ia menyatakan bahawa segala keuntungan telah dibawa ke negara Barat kerana kelemahan pentadbiran para pentadbir Melayu dan golongan yang begitu mementingkan agama tanpa mengambil kira tentang ekonomi. Oleh kerana itu, Sayyid Syeikh al-Hadi telah mengarang sebuah novel bertajuk Hikayat Faridah Hanum untuk memusnahkan pemikiran kolot Kaum Tua. Malahan dalam keadaan tertentu kekuatan kesedaran semangat kebangsaan Melayu itu sendiri dengan jelas sebagaimana telah diterangkan bukan sahaja menentang kolonial, tetapi juga bersaing dengan etnik-etnik yang datang ke negara ini. Kedudukan itu bertambah rumit apabila etnik yang datang itu didapati mempunyai kedudukan dan peluang ekonomi yang lebih baik .

v) Aspek Penulisan :

Bidang penulisan di Tanah Melayu berkembang selari dengan desakan dari golongan tertentu bagi membaiki dan menjaga kedudukan nasional selalu disuarakan, terutama melalui penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Jelasnya semangat kebangsaan ini telah tersebar dalam penerbitan-penerbitan berkala tempatan. Ini menunjukkan akhbar-akhbar tempatan menjadi lidah rasmi dalam menyebarkan pergerakan itu. Pada umumnya, peranan "kebudayaan cetak" ialah sebagai penyalur pemikiran dan cita-cita kepada masyarakat.

Singapura adalah tempat permulaan penulisan golongan al-Imam. Surat khabar di Singapura pada dua puluh tahun pertama terbahagi kepada kumpulan-kumpulan yang berlainan. Penerbitan golongan pembaharuan telah didahulukan oleh majalah *Al-Imam* dari tahun 1906 hingga 1915, manakala *Neracha* pula telah diterbitkan pada 1911 hingga 1915. *Neracha* diterbitkan pada tiap-tiap minggu dan ia mengandungi banyak berita-berita biasa tetapi dasarnya adalah sama dengan *Al-Imam* kerana pengarangnya iaitu Haji Abbas Mohd Taha adalah merupakan pengarang terakhir *Al-Imam*. Pada 1913, *Neracha* diterbitkan dalam bentuk majalah bergambar bulanan yang bersifat agak sederhana kritikannya. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan kedua-kedua majalah iaitu *Al-Imam* dan *Neracha* telah diberhentikan penerbitannya dalam pertengahan tahun 1915. Manakala pada 1926, wujud pula majalah *Al-Ikhwan* yang diterbitkan oleh Sayyid Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, muncul juga novel dan cerpen yang mempersoalkan perkara yang lazim ketika itu, di antaranya ialah novel terkenal oleh Sayyid Syeikh Al-Hadi iaitu

Hikayat Faridah Hanum. Perkembangan bidang ini membolehkan idea-idea pembaharuan golongan al-Imam tersebar luas di Tanah Melayu dan keberkesanannya tidak dapat dinafikan hingga hari ini.³⁵

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa kesan dari nasionalisme Barat terhadap nasionalisme Melayu yang telah diamalkan di Tanah Melayu, di antaranya :

- i) Struktur dan teknik politik Barat telah memberi kesan dengan menyatukan politik, pentadbiran dan geografi khususnya di negara-negara yang dijajah oleh Barat. Beberapa kaum dan pelbagai kumpulan telah dipecahkan dan diasingkan dari segi budaya, bahasa, bangsa, puak, agama, kegiatan ekonomi dan politik. Pemecahan bangsa dan ekonomi masyarakat tempatan adalah satu kesan yang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat majmuk seperti di Tanah Melayu.
- ii) Kolonialisme telah memperkenalkan ekonomi dan pembahagian masyarakat yang bersifat majmuk sehingga ia mewujudkan golongan elit berpendidikan Barat yang tidak puas dengan keadaan bangsa mereka. Barat tidak berminat untuk melepaskan kedudukannya sebagai penjajah. Oleh itu, ia telah merancang oder baru sebagai agenda kolonialismenya. Nasionalisme tempatan ada yang menyedari hakikat ini, namun ada yang tidak menyedari sehingga ia disedarkan dengan pelbagai agenda yang ditonjolkan oleh penjajah, antaranya ialah ‘*Malayan Union*’ di Tanah Melayu yang mendapat tentangan hebat dari

masyarakat tempatan. Namun, keadaan masyarakat majmuk di Tanah Melayu ketika itu telah menyebabkan kaum Cina dan India terlibat sama untuk memperjuangkan kepentingan bersama sehingga wujudnya perikatan antara UMNO, MCA dan MIC. Pemimpin gerakan ini adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan Barat.

- iii) Perkembangan nasionalisme yang pantas di Asia khususnya pada abad 20, telah menunjukkan bermulanya politik massa yang disertai oleh rakyat biasa. Kemasukan British secara berperingkat-peringkat sejak hujung tahun 1944 telah berhadapan dengan nasionalisme tempatan yang kini lebih bersifat anti-Jepun dan matlamat perjuangannya adalah untuk mendapatkan kemerdekaan politik dan ekonomi negara.
- iv) Pendudukan Jepun di Tanah Melayu antara tahun 1942 hingga 1945 telah memberi kesan dan pemangkin untuk mempercepatkan perjuangan kebangsaan dan menghapuskan peranan kolonialisme. Kejayaan Jepun mengalahkan China dan Rusia telah memberi ilham betapa perlunya pendidikan dan pengetahuan kepada rakyat. Revolusi Kebudayaan China pada tahun 1911 juga telah memberikan ilham serta kesedaran baru terhadap nasionalisme di Asia Tenggara. Antara tahun 1948 hingga 1955, British telah datang semula tetapi ia telah mempunyai perancangan pembangunan politik dan mewujudkan '*Malayan Union*'.

Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa nasionalisme Melayu yang bergerak di Tanah Melayu ini bertindak bukan sahaja untuk menentang dan menamatkan penjajahan Barat iaitu penjajahan dari pihak Portugis, Belanda dan British, tetapi ianya juga telah mengubah nilai-nilai serta institusi politik dengan menekankan negara bangsa yang bebas dan berdaulat. Nasionalisme yang wujud di Tanah Melayu ini tidaklah menekankan soal ikatan darah, bangsa, bahasa dan budaya tetapi ianya lebih menekankan soal penentangan terhadap penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu.

5.4 : KESIMPULAN BAB

Sebagai kesimpulan daripada perbandingan bagi bab yang membincangkan nasionalisme Barat, Islam dan Melayu di atas, dapat dirumuskan bahawa sememangnya terdapat sedikit perbezaan antara nasionalisme yang diketengahkan oleh Barat, Islam dan Melayu dari segi konsep, amalan, penerimaan dan begitu juga dari sudut ciri-ciri dan sifat-sifatnya.

Nasionalisme tidak dapat ditakrifkan dengan tepat kerana ianya membawa pengertian yang sangat luas. Pengertiannya adalah berdasarkan pengamalan dan keadaan setempat serta berbeza-beza mengikut situasi dan lokasi. Dari sudut prosesnya pula, sentimen psikologi yang semula jadi bagi diri manusia juga digolongkan sebagai istilah nasionalisme. Ianya menjadi sesuatu yang dominan di dunia ini setelah mengalami perubahan akibat beberapa faktor

dan penerimaannya oleh masyarakat setempat. Namun demikian, istilahnya masih kekal dengan nasionalisme sedangkan sifat dan cirinya telah jauh berbeza dari asal.

Islam menentang secara jelas terhadap konsep nasionalisme yang sempit yang hanya membataskan perhubungan sesama manusia hanya berdasarkan persamaan bangsa, bahasa, sempadan geografi, warna kulit, keturunan dan sebagainya, kerana Islam adalah agama yang bersifat '*alamiyah (universal)*'. Ini terbukti melalui usaha di bawah kepimpinan baginda Rasulullah SAW yang telah berjaya menjadikan umat ini bersatu padu, kuat dan digeruni oleh musuh-musuhnya. Rasulullah SAW dan para sahabat telah berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan kesatuan dan perpaduan sesama mereka. Mereka juga berusaha menjauhi unsur-unsur yang boleh membawa fitnah, pergeseran dan perpecahan sesama mereka. Dari perbincangan ini juga dapatlah difahami bahawa Islam telah menganjurkan semangat cinta akan tanah air dan mengangkat martabat bangsa. Kedua-dua semangat ini adalah sebahagian dari ajaran Islam. Oleh itu, perjuangan Islam telah merangkumi keseluruhan aspek termasuk cinta akan tanah air dan mengangkat martabat bangsa. Perkataan Islam mestilah difahami secara menyeluruh kerana agama Islam bersifat komprehensif.

NOTA HUJUNGAN BAB 5 :

1. Hans Kohn, *International Encyclopedia of Social Science*, (London : Macmillan Company & The Free Press, 1968), hal. 64.
2. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, (Kuala Lumpur : Darulfikir, cetakan 12, 2001), Surah al-Anbiya', ayat 107.
3. Ibid, Surah Saba', ayat 28.
4. Ibid, Surah al-Hujurat ayat 10.
5. Ibid, Surah al-Hujurat, ayat 13.
6. Ibid, Surah Al-Hasyr, ayat 9.
7. Burhanuddin al-Helmy, *Sambutan Kemerdekaan Kali ketiga*, (Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 31 Ogos 1960), hal. 3.
8. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, (Bukit Mertajam : Pustaka Semenanjung, 1954), hal. 90.
9. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah an-Naml, ayat 78.
10. Ibid, Surah ali-Imran, ayat 19.
11. Ibid, Surah al-Baqarah, ayat 256.
12. Hans Kohn, *The Idea of Nationalism*, (Ontario: The MacMillan Company, 1969), hal. 16.
13. Rupert Emerson, *From Empire To Nation*, (Boston : Beacon Press, 1962), hal. 93.
14. Ibid, hal 96.
15. R Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985), hal. 242.
16. Ibid, hal 244.
17. P.N Stearns, *The Revolutions of 1848*, (London : Weidfeld and Nicolson, 1974), hal. 123.
18. R Suntharalingam, op.cit, hal. 242.

19. Rupert Emerson, *From Empire To Nation*, (Boston : Beacon Press, 1962), hal. 94.
20. Ibid, hal 96.
21. John Bastin dan Harry J. Benda, *Sejarah Asia Tenggara*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1972), hal. 56.
22. Wan Abdul Kadir, *Islam dan Nasionalisme Budaya Melayu*, (Petaling Jaya : Masfami, 1993), hal. 15.
23. Ibid, hal. 12
24. Ahmad Boestamam, *Kaum Muda Kaum Tua: Perubahan dan Reaksi, Nasionalisme Melayu*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975), hal. 71.
25. Mohd. Sarim Haji Mustajab, *Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya, Melaka Dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1996), hal. 117.
26. Ibid, hal. 118.
27. Ibid, hal. 119.
28. Ibid, hal. 120.
29. Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam: It's Role In Malay Society 1906-1908*, (Canterbury : University of Kent, 1981), hal. 116.
30. Ahmad Boestamam, op.cit., hal. 72.
31. William R. Roff, *Bibliography Of Malay And Arabic Periodicals*, (London : Oxford University Press, 1972), hal. 9.
32. Abu Bakar Hamzah, op.cit., hal 117.
33. Ibid, hal 120.
34. Ahmad Boestamam, *Peranan Surat Khabar Anak Negeri dan Nasionalisme Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal. 200.
35. Ibid, hal. 203.